

28 MAY 2000

Kelantan-Air (Fokus Berita)

ISU BEKALAN AIR KELANTAN TIADA PENYELESAIAN?

Oleh: Roslan Ariffin

KOTA BAHARU, 27 Mei (Bernama) -- Isu pembekalan air bersih di seluruh Kelantan yang telah berlarutan sejak bertahun-tahun lagi masih sukar menemui jalan penyelesaian.

Ibarat kebuntuan krisis politik antara PAS dan Umno dalam mencari formula penyelesaian, maka penyelesaian bekalan air juga boleh diumpamakan seperti "pertentangan politik", seolah-olah berlaku adengan tarik tali yang tiada penyudahan.

Rakyat yang menyedari perbezaan ketara ideologi dan politik antara kerajaan pusat di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN) dan kerajaan Kelantan di bawah PAS hanya mampu melihat dari jauh perkembangan selanjutnya isu air -- seolah-olah permainan catur, yang setiap langkah melibatkan fikiran dan masa panjang.

Persoalan utama sekarang adakah kerajaan pusat -- satu-satunya sumber utama bagi bantuan kewangan, akan membantu Pas bagi mengatasi masalah rakyat di Kelantan, terutama selepas BN tewas teruk pada pilihan raya umum lepas apabila rakyat memilih PAS?

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada September lepas pernah menyatakan rasa serik kerajaan pusat untuk membantu kerajaan Kelantan, setelah menyifatkan pimpinan PAS sebagai tidak bersyukur dan berterima kasih terhadap bantuan kewangan kerajaan pusat untuk membangunkan negeri itu.

Malahan Dr Mahathir juga menyatakan kesal kerana pemimpin PAS akan bercakap besar setiap kali kerajaan pusat hendak membantu Kelantan.

Menyedari ranjau yang menimpa Kelantan, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang cuba menamatkan "sindrom bisu" kedua-dua pihak berhubung isu air, membuat kenyataan pada 25 Mei menyatakan kesanggupan untuk menemui Dr Mahathir sekali lagi bagi berbincang dan menyelesaikan isu pinjaman mudah sebanyak RM600 juta yang dipohon daripada kerajaan pusat.

Nik Aziz menyedari sikap berdiam kedua-dua kerajaan -- Kelantan dan pusat, berhubung pinjaman itu tidak akan membantu menyelesaikan isu bekalan air -- antara isu yang sering ditunding dan dirujuk sebagai bukti kelemahan pentadbiran PAS di Kelantan.

"Apabila pihak (kerajaan) pusat beri peluang kepada saya untuk berjumpa Perdana Menteri, saya akan pergilah," kata Nik Aziz sambil memaklumkan kertas kerja lengkap kerajaan negeri berhubung projek menyediakan bekalan air bersih itu telah lengkap untuk diserahkan kepada kerajaan pusat .

Krisis air Kelantan semakin parah sejak lima tahun lepas apabila banyak kawasan di Kelantan tidak menerima bekalan air paip berikutan sistem paip yang dibina berpuluh-puluh tahun lepas telah berkarat dan tidak diganti atau diselenggarakan.

Dari sehari ke sehari saluran paip yang ada semakin sempit hingga menyebabkan tekanan air kian rendah terutama di kawasan yang jauh dari bandar dan bertambah teruk apabila bilangan loji penapis air tidak bertambah untuk menampung keperluan semasa.

Bagi mereka yang bernasib baik mendapat bekalan air, penerimaan air merah seperti karat dan berkelodak adalah perkara biasa yang menjadi tatapan harian.

Sementara penduduk yang tidak bernasib baik, mereka terpaksa mencari jalan penyelesaian sendiri seperti membina sumber air sendiri dengan menggali telaga tanpa jaminan kebersihan kesihatan.

Kementerian Kesihatan melaporkan tahun lepas bahawa hampir separuh daripada kawasan berpenduduk di Kelantan masih tidak mempunyai bekalan air bersih dan penduduk yang menggunakan air telaga terdedah kepada bahaya risiko penyakit.

Selain itu kawasan perumahan baru juga tidak boleh diduduki apabila

permohonan penyambungan baru bekalan air dibekukan menyebabkan Sijil Layak Menduduki (CF) tidak boleh dikeluarkan.

Senarai masalah yang timbul berikutan kekurangan bekalan air bersih di Kelantan sebenarnya amat panjang, sehingga menjejaskan sektor perindustrian dan perkilangan di Kelantan.

Masalah itu bertambah sulit berikutan kelemahan pentadbiran dan pengurusan syarikat swasta -- Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB) yang beroperasi bermula 1995, hingga kerajaan negeri tiada pilihan dan terpaksa mengambil alih melalui Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) pada April tahun lepas.

Melalui pengambilalihan itu, syarikat induk KWSB iaitu Thames Water dari United Kingdom telah menjual semua 70 peratus ekuitinya kepada Perbadanan Menteri Besar. Baki 30 peratus ekuiti lagi dipegang oleh Yayasan Kelantan Darulnaim (Yakin), anak syarikat kerajaan negeri.

Permohonan kerajaan Kelantan melalui Nik Aziz pada awal 1999, telah mendapat reaksi positif daripada Perdana Menteri yang meluluskan pinjaman mudah bernilai RM600 juta kepada Kelantan pada Mac tahun lepas bagi mengatasi masalah itu.

Bagaimanapun perkembangan kelulusan itu akhirnya terhenti setakat itu, berikutan adengan "tarik tali" secara berterusan, melibatkan kepentingan politik kedua-dua pihak sehingga ke hari ini.

Rakyat Kelantan berharap pertemuan Dr Mahathir dan Nik Aziz bukan sahaja akan menyelesaikan masalah sedia ada tetapi juga membuka lembaran baru bagi hubungan lebih positif antara kerajaan pusat dan Kelantan untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat.

-- BERNAMA

RAR RHM